


SIRI SEJARAH

**SEJARAH ZAMAN
PENJAJAHAN INGGERIS**

DITULIS:
NURFAZLINA MARIATY

EDITOR:
SITI ZAWIYAH ZAKARIA



PENERBIT SETIAMAS
No. 14, Jalan SS 4/17, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
03-7762300/7774678 Fax: 603-7762300

PENERBIT SETIAMAS
No. 14, JALAN SS4/17
47301 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL: 03-7774678/7762300
FAX: 03-7762300

©PENERBIT SETIAMAS

Cetakan Pertama 1996

AMARAN ATAS HAKCIPTA

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

APB 745194 |

03 SEP 1996

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

m
959.503
NUR
f

Dicetak oleh: Shian Tai (M) Sdn. Bhd.
Tel: 3429222 Fax: 3422886

PRAKATA

Buku Siri Sejarah ini ditulis untuk mendedahkan para pelajar dengan kisah-kisah sejarah negara. Buku ini ditulis dalam bentuk cerita agar para pelajar dapat memberi penghayatan yang lebih di samping untuk menimbulkan lagi minat membaca dan untuk membangkitkan rasa kecintaan di dalam hati para pelajar terhadap sejarah tanah air.

Dengan lahirnya buku Siri Sejarah ini juga secara tidak langsung dapat menggambarkan tentang peristiwa-peristiwa yang telah berlaku sejak zaman penjajahan hinggalah ke zaman pembangunan.


Rentetan-rentetan sepanjang zaman itu cuba ditulis sebaik mungkin agar para pelajar dapat menghayati bagaimana setiap penduduk pada zaman itu melalui waktu-waktu getir akibat kedatangan kuasa-kuasa luar yang ingin menjajah.

Melalui buku ini juga penulis telah membuat sorotan bagaimana tokoh-tokoh negara berjuang bermati-matian untuk mempertahankan tanah air dari jatuh ke tangan penjajah. Semangat juang penduduk pada masa itu dan perasaan benci mereka kepada penjajah.

Buku ini mempunyai fakta-fakta yang sama seperti yang terdapat di dalam buku-buku teks sejarah yang sedia ada. Penulis cuba menampilkan watak-watak dan jalan cerita yang direka, agar pelajar lebih memahami setiap episod sejarah yang dipaparkan.

Dengan lahirnya buku ini di harap pelajar dapat mengekalkan rasa kecintaan terhadap tanah air. Semoga sejarah tanah air kita tetap segar di dalam ingatan.

SEJARAH ZAMAN PENJAJAHAN INGGERIS



Pelbagai bentuk meriam

Inggeris merupakan salah satu kuasa kuat yang berminat untuk menguasai Tanah Melayu. Pada tahun 1600 Kompeni Hindia Timur Inggeris telah ditubuhkan. Pertubuhan KHTI ini adalah untuk

menguasai perdagangan rempah di Timur.

Selain daripada itu KHTI sudah mempunyai sebuah empayar di



Sebuah kapal perang di lautan

India, dan pada abad ke-18 pula, KHTI memonopoli perdagangan teh di China.

Tetapi kerajaan China hanya menerima wang emas perak dan hasil dari kepulauan Melayu seperti bijih timah, lada hitam dan rempah untuk ditukarkan dengan dagangannya.

“Engkau tahu mengapa KHTI memerlukan sebuah pangkalan di kepulauan Melayu?” Tanya Darus kepada kawannya Talib ketika mereka berbual tentang Inggeris yang ingin menguasai perdagangan rempah di Timur .

Talib tidak menjawab. Dia hanya menggoyangkan bahunya menandakan dia tidak tahu.

“Sebenarnya Inggeris ingin menjadikan kepulauan Melayu sebagai pusat pungutan hasil-hasil

sebelum dibawa ke China.” Kata Darus kepada Talib. Talib menganggukkan kepalanya perlahan menunjukkan dia faham dengan apa yang Darus katakan itu.




Akhir meriam dijadikan tugu

“Selain daripada itu Inggeris juga ingin jadikan kepulauan Melayu sebagai pelabuhan persinggahan bagi kapal-kapal KHTI untuk mendapatkan bekalan air, makanan dan membaiki kapal.” Sambung Darus lagi. Talib hanya mendengar.

pangkalan tentera laut untuk melindungi kilang-kilang Inggeris di Madras dari serangan Perancis.” Tambah Darus lagi. Talib masih seperti tadi tidak berkata apa-apa.


“Mereka juga ingin menjadikan



Perdagangan British di Asia Tenggara, abad ke-17 dan ke-18 mempunyai dua penempatan di Indonesia. Kehadiran mereka di rantau ini adalah melalui kegiatan perdagangan persendirian

Bukan itu sahaja malah Francis Light telah membuat perjanjian dengan Sultan Kedah pada bulan April 1771. Dalam perjanjian ini Inggeris telah dibenarkan berdagang di Kedah dan Inggeris berjanji untuk memberikan naungan kepada Sultan Kedah.

Tetapi Inggeris mungkir janji. Inggeris tidak mahu membantu Kedah ketika menyerang Bugis di Selangor. Oleh kerana itu perjanjian yang dibuat pun dibatalkan.



Pulau Pinang yang belum berkembang.



Francis Light pengasas Pulau Pinang

Pada tahun 1772, Edward Monckton membuat rundingan dengan Sultan Kedah, tetapi rundingan itu gagal. Walau bagaimanapun sewaktu pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Syah, baginda telah menyerahkan Pulau Pinang


kepada Inggeris. Ini adalah kerana ingin mendapatkan bantuan daripada Inggeris akibat Kedah diserang oleh Siam.

Pada 11 Ogos 1786 Francis Light menduduki Pulau Pinang. Tetapi seperti sebelumnya juga Inggeris hanya berjanji kosong.

Apabila Sultan Abdullah tahu akan sikap Inggeris yang tidak mahu memberikan naungan kepada Kedah, baginda pun meminta Francis Light meninggalkan Pulau Pinang.



Tugu Sir Francis Light di Muzium Pulau Pinang.



Jam

“Kenapa orang Inggeris bersikap begitu ya. Sudah beberapa kali perjanjian dibuat kononnya ingin membantu Kedah. Sudah berbagai-bagai ganjaran yang diberikan pada mereka. Tetapi janji mereka kosong belaka. Sebaliknya mereka menyerang Seberang Prai dan menewaskan Kedah.” Rungt Pian pada suatu petang. Masron yang mendengar

rungutan itu turut bersetuju.

Mereka tidak gemar dengan sikap Inggeris yang hanya pandai berjanji, hingga pada Mei 1791 Sultan Abdullah terpaksa menandatangani perjanjian dengan Inggeris lagi.

Dalam perjanjian kali ini Pulau Pinang telah diserahkan dengan rasmi kepada Inggeris dan daripada penyerahan itu Sultan dibayar papasan sebanyak RM 6000 setahun.

"Sebenarnya inilah tujuan mereka, membuat janji kemudian memungkiri. Lihat apabila mereka sudah memiliki Pulau Pinang secara rasmi puaslah hati mereka. Sudahlah begitu makanan yang mereka beli dari pula Kedah tanpa dikenakan cukai." Kata Pian lagi. Kata-kata dan sikap Pian jelas menunjukkan



'Lela rentaka' yang dipamirkan di Komplek Sejarah Pasir Salak.



J.W.W. Birch, Residen British di Perak yang mati dibunuh pada tahun 1874

dia seorang yang anti Inggeris.

Pada waktu itu Seberang Prai terus berkembang. Kemajuan itu membuatkan Inggeris menyimpan hasrat untuk menguasai Seberang Prai pula.

Ini kerana Inggeris mahu menghapuskan persaingan bagi Pulau Pinang. Inggeris juga tidak mahu bergantung kepada bekalan makanan dari Kedah lagi.

Inggeris mahu menghapuskan kubu-kubu lanun di Seberang Prai dan mengukuhkan pertahanan Pulau Pinang.

Akhirnya pada tahun 1800 KHTI telah membuat perjanjian dengan Sultan Diyauddin Al-Mukarram Syah. Di dalam perjanjian ini Sultan Diyauddin telah menyerahkan Seberang Prai kepada Inggeris.


baginda telah menerima sebanyak RM 10000 setahun untuk Pulau Pinang dan Seberang Prai dan seperti perjanjian dengan Sultan Abdullah pada tahun 1791, Inggeris dapat membeli makanan tanpa dikenakan cukai dari Kedah.

Ekoran daripada penyerahan itu Inggeris telah menamakan kawasan tersebut sebagai

Daripada segi bayaran pula



Gambar menunjukkan orang melayu menentang Malayan Union.



Perbuatan khianat pengganas komunis mengeluarkan kereta api dari landasannya pada masa darurat



Pemulaan perluasan kuasa British 1786-1826

Province Wellesley.

Seperti perjanjian-perjanjian sebelumnya KHTI tidak memberi bantuan kepada Kedah apabila diserang oleh Siam pada tahun 1821.

"Inggeris sungguh bijak setelah memiliki apa yang mereka mahu mereka lupakan janji." Masron bersuara kesal. Kesal dengan

sikap Inggeris setelah Kedah dikuasai oleh Siam pada tahun 1842.

Sebenarnya Inggeris bukan sahaja buat kacau di bahagian utara Tanah Melayu tetapi hingga ke selatan. Ini jelas terbukti apabila Inggeris mengambil Melaka daripada Belanda mengikut syarat perjanjian surat-surat Kew pada tahun 1795.

Sultan Mahmud yang telah berundur ke Pahang dan Terengganu telah dibenarkan oleh Inggeris untuk memerintah Johor-

Riau semula. Sultan Mahmud melantik Engku Muda sebagai Yamtuan Muda yang baru. Tetapi hal ini mendapat tentangan dari Bugis.

Bugis telah melantik Raja Ali sebagai Yamtuan Muda Johor seperti sebelum Raja Ali melarikan dirinya ke Sukadama di Kalimantan iaitu sebelum Inggeris mengambil Melaka.

"Hai, pening kepala aku apabila mengenangkan keadaan sekarang. Inggeris dengan cara Inggeris, Belanda dengan cara




Tapak balai polis Bukit Kepong yang dibakar oleh komunis.

Belanda dan Bugis dengan cara mereka." Keluh Saad.

Bukan Saat sahaja yang berasa rungsing dengan keadaan waktu itu tetapi Seman dan seluruh penduduk Melaka dan Johor turut berasa begitu.

"Aku dengar Engku Muda telah ditawarkan jawatan Temenggung Singapura." Saad bersuara lagi setelah agak lama mendingankan diri.




Makam Sipuntum

"Ya, aku juga mendengar begitu tetapi beliau menolaknya. Jawatan tersebut diberikan kepada Abdul Rahman anak saudara beliau." Tambah Leman pula. Rancak mereka berbual petang itu.



Masjid Komplek Pasir Salak.

Kebanyakan cerita mereka petang itu berkisar tentang kerenah Inggeris, Belanda dan Bugis yang masing-masing ingin menguasai negeri di Tanah Melayu.



Makam Dato' Maharaja Lela

Melalui perjanjian surat-surat Kew pula Raja Belanda menyerahkan jajahnya di Timur kepada kerajaan Inggeris supaya tidak jatuh ke tangan Perancis.

Tetapi setelah tamatnya Perang Napoleon, Inggeris mesti memulangkan jajahan tersebut kepada Belanda semula.



Kaum wanita juga bersemangat juang

Inggeris menguasai Melaka pada tahun 1795 dan Jawa pada tahun 1811. Stamford Raffles menjadi Leftenan Gabenor di Jawa ketika itu.

"Inggeris juga merungut perdagangan Melaka yang mula berkembang terjejas." Kata Saad kepada Seman. Berkerut dahi Seman mendengar Saat berkata begitu.



Sir Gerald Templer telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu pada tahun 1952



Lt. Jen. Sir Harold Briggs adalah Pengarah Rancangan Briggs.


"Kenapa pula?" Tanya Seman ingin tahu.

"Apa tidaknya Belanda ingin mengambil alih semula Melaka pada tahun 1818 dan Jawa pada tahun 1816 iaitu selepas tamat perang Napoleon." Jawab Saat sambil menuang kopi ke dalam cawannya yang sudah kosong.

"Jikalau tidak silap aku Gabenor Jeneral Inggeris iaitu Warren Hastings meminta Stamford Raffles mencari pangkalan baru

di Aceh dan Riau, tetapi usaha mereka gagal." Saat menambah.

Setelah gagal mencari pangkalan di Aceh dan Riau pada 28 Januari 1819 Raffles singgah di Singapura pula. Raffles tertarik melihat kedudukan Singapura yang strategik.



Datuk Maharaja Lela, Datuk Sagor dan J.W.W.Birch.



Sir Henry Gurney

Lantaran itu Raffles pun membuat perjanjian dengan Temenggung Singapura ketika itu, iaitu Temenggung Abdul Rahman. Daripada perjanjian itu Inggeris telah dibenarkan membuka penempatan di Singapura dan Temenggung akan menerima \$3000 setahun.


" Eh! Endut engkau tahu ke tidak apa yang sudah jadi kepada perjanjian antara Raffles dan Temenggung Abdul Rahman?" Tanya Alang kepada Endut selepas dua tiga hari perjanjian itu termaktub.

"Apa pula yang sudah berlaku?"

dia benar-benar tidak tahu apa yang telah berlaku di sebalik perjanjian itu.

“ Perjanjian itu tidak diiktiraf oleh Sultan Abdul Rahman.” Jelas Alang tentang perjanjian yang tidak mendapat pengiktirafan Sultan Johor itu.


Pada 17 Mac 1824 perjanjian Inggeris-Belanda atau perjanjian



Pelancong Inggeris kini suka melawat Malaysia

London telah ditandatangani. Ini adalah ekoran daripada bantahan Belanda terhadap penguasaan Inggeris di Singapura.

Pada ketika itu perdagangan Inggeris terus berkembang. Jadi demi kepentingan bersama Inggeris berbaik dengan Belanda.



Tugu peringatan di Pasir Salak.



Pelancong dari negara Eropah


Daripada perjanjian itu Singapura, Tanah Melayu dan India berada di bawah pengaruh Inggeris. Bahagian selatan Singapura dan Hindia Timur berada di bawah pengaruh Belanda.

Belanda mengakui Singapura sebagai jajahan Inggeris dan Belanda telah berundur dari Tanah Melayu.

Belanda juga telah menyerahkan Melaka kepada Inggeris dan Inggeris pula menyerahkan Bangkahulu di Sumatera kepada Belanda.



Tugu peringatan Mat Salleh di Sabah.



Menurunkan bendera Union Jack

Daripada perjanjian itu juga kedua-dua kuasa telah bersetuju tidak akan mencerooboh kawasan pengaruh pihak lain dan pada tahun 1826 Inggeris telah menyatukan Melaka, Pulau Pinang dan Singapura di bawah Negeri-negeri Selat.


Di antara tahun 1826 - 1832, Pulau Pinang menjadi pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat. Tetapi selepas tahun 1832 pusat pentadbiran dipindahkan ke Singapura yang semakin maju. Singapura berkembang pesat

Singapura berkembang pesat dan menjadi pusat perdagangan antarabangsa.

Walau bagaimanapun Negeri-negeri Selat menghadapi masalah. Kegiatan kongsi gelap Ghee Hin (kantonis) dan Hai San (Hakka) serta kegiatan lanun mengganggu perdagangan di Negeri-negeri Selat.

Selain daripada itu Negeri-negeri Selat dijadikan tempat banduan dari India menjalani hukuman oleh KHTI dan KHTI telah membatalkan kedudukan Singapura sebagai pelabuhan bebas.

Antara masalah lain ialah undang-undang dibentuk di India tanpa kehadiran wakil Negeri-negeri Selat dan kerajaan India




Pedang ini terdapat di Pasir Salak.



Kubur James W.W. Birch

telah meluluskan Akta Mata Wang 1855 yang memerintah Negeri-negeri Selat menukar mata wang ringgit Sepanyol kepada mata wang rupee.



Balai Besar, Alor Star, Kedah

Negeri-negeri Selat berada di bawah pengawasan Pejabat Tanah Jajahan London. Entah bagaimana pula bentuk pentadbiran mereka agaknya." Kata Endut kepada Alang.

Setelah Negeri-negeri Selat diambil alih oleh Pejabat Tanah



Rumah Orang Kaya-Kaya Seri Agar DiRaja.

Jajahan London pada tahun 1967, selepas pembubaran KHTI pada tahun 1857.

Sewaktu di bawah pemerintahan British Negeri-negeri Selat mengalami beberapa perubahan.

" Entahlah, tetapi yang nyata kita masih dijajah." Alang menjawab malas. Sesekali apabila difikir dia malas mengambil tahu kerana apapun yang mereka buat mereka tetap di bawah kuasa penjajah.

Sebab itulah kadang-kala dia jadi bosan untuk mengambil tahu.



Bendera PBB yang dipamerkan di Muzium Negara.

Kuasa-kuasa luar tidak habis-habis ingin berebut Tanah Melayu sedangkan perebutan itu sedikitpun tidak memberi keuntungan malah merugikan.

Alang juga ada mendengar tentang perdagangan Inggeris yang tergugat setelah berlaku huru hara di Negeri-negeri Melayu.

Alang juga tahu Inggeris mengambil tindakan untuk campur tangan di Negeri-negeri

Melayu pada tahun 1874, tetapi kepada Alang itu bukan urusannya.

Pernah Endut menegur tentang sikapnya itu, seolah-olah merestui kuasa-kuasa luar itu terus menjajah tanah air sendiri. Tetapi Alang ada jawapan tersendiri.

Katanya bukan dia tidak sayangkan tempat tumpah darahnya tetapi dia tidak mampu untuk menghalang kuasa-kuasa

besar itu dari terus menjajah. Apabila difikirkan kembali Endut berasa ada betulnya kata-kata Alang itu.

“Cuba engkau fikir, kita sendiri apabila menghadapi kekacauan atau serangan daripada kuasa lain, kita meminta bantuan daripada mereka. Jadi tentu

Pada masa yang sama pedagang Inggeris mendesak kerajaan Inggeris mencari kawasan pertanian kerana kawasan di Negeri-negeri Selat kekurangan kawasan pertanian.

“Kalau pedagang Inggeris sudah




Masjid Zahir, Alor Setar.

mereka mahukan balasan daripada apa yang mereka berikan.” Kata-kata Alang itu membuatkan Endut teringat pada pergaduhan yang sering berlaku di kalangan pembesar Melayu dan kongsi gelap Cina.

mendesak tentu sahaja kerajaan Inggeris ingin melindungi mereka kerana mereka banyak bergantung kepada perdagangan di Negeri-negeri Selat.” Kata Alang lagi.

"Yalah, kerajaan Inggeris di England pun menyambut baik permintaan pembesar-pembesar Melayu kerana mereka sedang melaksanakan dasar campur tangan." Endut yang tahu sedikit sebanyak tentang rancangan Inggeris itu menambah kata-kata Alang.

Ditambah pula dengan perebutan kuasa di antara Raja Abdullah dengan Raja Ismail. Raja Ismail dilantik sebagai Sultan sedangkan Raja Abdullah (Raja Muda) yang sepatutnya menaiki takhta diketepikan kerana tidak menghadiri upacara pengkebumian Sultan Ali.



Muzium Negeri, Alor Setar.

Selepas huruhara di Negeri-negeri Melayu berlaku pula huruhara di Perak. Ini adalah kerana kongsi gelap Ghee Hin dan Hai San berebut kawasan perlombongan.

"Engkau tengok Endut, betul ke tidak apa yang aku katakan dulu? Kita bergaduh sesama kita kemudian meminta bantuan pihak luar." Endut hanya mengangguk apabila Alang berkata begitu.

Endut tahu apa yang Alang maksudkan. Itu tentu dengan pergaduhan antara Raja Abdullah dengan Raja Ismail di mana Raja Abdullah telah meminta bantuan daripada Inggeris.

Andrew Clarke, Gabenor Selat pada masa itu membuat rundingan damai dengan ketua-ketua kongsi gelap.

Pada bulan Januari 1874 Andrew Clarke membuat perjanjian Pangkor dengan pembesar-pembesar melayu di atas kapal H.M.S Pluto.



Rumah kelahiran Mahathir



Balai Nobat.

Demi termaktubnya perjanjian itu Raja Abdullah berasa gembira kerana baginda telah diakui sebagai Sultan Perak. Manakala Raja Ismail pula menjadi Raja Muda dan mendapat pencen.

Dalam perjanjian itu juga sebagai syaratnya Raja Abdullah menerima Residen Inggeris sebagai penasihat.


Residen itu bertindak sebagai

penasihat Sultan mengenai semua hal, kecuali hal agama Islam dan adat istiadat orang Melayu. James W.W Birch merupakan Residen Inggeris pertama di Perak pada November 1814.

Selain campur tangan di Perak, Inggeris juga ada membuat campur tangan di Selangor. Campur tangan di Selangor berlaku kerana berlakunya

Persengketaan itu berlaku kerana masing-masing ingin menguasai kawasan Kelang yang kaya dengan bijih timah.

“Raja-raja kita tidak habis-habis bergaduh. Masing-masing ingin berebut takhta, berebut kawasan. Tetapi akhirnya yang



Masjid Kuah.

perang saudara di Kelang pada tahun 1867 - 1873. Perang saudara ini berlaku antara Raja Abdullah (Pembesar Kelang) dengan Raja Mahadi.

untung Inggeris.” Keluh Domat kawan Alang dan Endut suatu hari apabila berita tentang persengketaan antara Raja Abdullah dan Raja Mahadi tersebar.

" Betul kata engkau Domat."
Alang dan Endut bersuara
serentak.

Mereka memang tidak senang
dengan sikap Inggeris yang
sentiasa memerhati dan ingin
mengambil kesempatan.

Begitulah juga apabila berlaku
rompakkan kepada sebuah kapal
dari Pulau Pinang pada

pun melantik Frank Swettenhem
sebagai penasihat tidak rasmi di
Langat.

Corak pentadbiran Frank
Swettenhem itu telah menarik
minat Sultan, dan atas
permintaan baginda, Inggeris
telah menghantar J.G Davidson
sebagai Residen Inggeris yang
pertama di Selangor pada tahun
1875.



Makam Mahsuri

16 November 1873 .

Andrew Clarke mengambil
kesempatan itu untuk campur
tangan. Lebih-lebih lagi apabila
beberapa orang anak kapal
dibunuh di Kuala Langat. Inggeris

" Inggeris ini tidak cukup setakat
campur tangan di Perak dan
Selangor. Sekarang mereka mula
campur tangan di Negeri
Sembilan pula." Rungt Alang
apabila Martin Lister dilantik
sebagai Residen Inggeris yang
pertama di Negeri Sembilan.

“ Ya, tetapi orang kita juga salah, ada sahaja yang hendak direbutkan.” Kata Endut pula. Tetapi Endut bukan sahaja menyalahkan orang Inggeris, bangsanya sendiri turut bersalah.

Seperti di Perak dan Selangor, Negeri Sembilan juga berlaku perebutan kuasa dan kawasan.

Di Negeri Sembilan perebutan takhta berlaku di antara Tengku Antah dengan Tengku Ahmad

pada tahun 1869.

Di Sungai Ujong pula berlaku perebutan kuasa di antara Dato' Kelana Sendeng dengan Dato' Bandar Kulup Tunggal. Mereka merebut kuasa untuk memungut cukai di Sungai Linggi.

Selepas satu negeri ke satu negeri Inggeris campur tangan. Negeri mana yang mengalami perang saudara maka negeri itulah yang menjadi sasaran



Kapal KD SRI INDERAPURA


Inggeris. Pahang merupakan antara negeri yang terlibat dengan campur tangan Inggeris.

Tetapi campur tangan di Pahang agak berlainan sedikit jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, meskipun di Pahang meletus juga perang saudara iaitu antara Wan Mutahir dengan Wan Ahmad pada tahun 1857 - 1863.

Campur tangan di Pahang tidak semudah campur tangan di

negeri-negeri lain. Di Pahang Inggeris melabur modal dalam perlombongan dan perdagangan. Tetapi, apabila berlaku perang saudara ini, perdagang Inggeris telah tergugat.

“Sampai bila agaknya negeri-negeri kita akan menghadapi campur tangan ni.” Rungt Dumat apabila campur tangan Inggeris sudah mula merebak hingga ke Pahang.



Gambar hiasan

Frank Swettenhem telah dihantar ke Pahang untuk menyelesaikan masalah sempadan di antara Jelebu dengan Pahang.

"Kalau tidak silap aku Frank Swettenham telah membuat cadangan supaya Sultan Wan Ahmad menerima wakil Inggeris tetapi ditolak oleh sultan." Sambung Alang walaupun kadang-kala dia kelihatan seperti tidak menyenangi sikap Inggeris tetapi Alang turut mengikuti segala perkembangan yang berlaku.

"Ya Alang. Gabenor Frederick Weld juga telah pergi ke Pekan untuk memujuk Sultan supaya menerima wakil Inggeris, tetapi ditolak juga oleh Sultan." Kata Endut pula.



Menaiki beca mengelilingi Pulau Pinang.



Pembangunan Pulau Pinang semakin pesat.


Domat yang mendengar apa yang diperkatakan oleh Alang dan Endut itu ternganga. Dia tidak begitu tahu tentang pergolakan yang berlaku.

Selepas dari itu pada tahun

1887. Hugh Clifford pula pergi ke Pahang untuk tujuan yang sama. Tetapi Hugh Clifford juga menemui kegagalan.

Walaupun bagaimanapun, akhirnya Sultan Wan Ahmad menerima wakil Inggeris juga setelah dipujuk oleh Sultan Abu Bakar dari Johor dan Hugh Clifford menjadi wakil Inggeris untuk menjaga kepentingan perdagangan tetapi kuasanya terhad.

“Engkau tengoklah cerdik atau tidak Inggeris ini mereka menjadikan alasan Go Hui yang terbunuh itu untuk mendesak Sultan supaya menerima wakil



Gambar hiasan



Gambar hiasan

Inggeris di Pahang." Kata Alang apabila Inggeris mengambil kesempatan itu untuk menguasai Pahang. J.P Rodger dilantik sebagai Residen Inggeris yang pertama di Pahang.

Selepas di Pahang, Inggeris meluaskan kuasanya di Sabah. Di Sabah, Sultan Sulu telah bersetuju untuk menyerahkan kuasanya kepada kompeni. Baginda mengharapkan perlindungan Inggeris sekiranya mendapat ancaman Sepanyol.

Setelah Inggeris campur tangan



Gambar hiasan

di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang Sistem Residen dibentuk.

Pada bulan Jun 1826 pula perjanjian Burney telah ditandatangani. Tetapi isi



Gambar hiasan

perjanjian Burney itu mengecewakan Sultan Kedah. Oleh kerana itu baginda dipindahkan ke Melaka.

Pada tahun 1870 Wan Mat Saman bin Wan Ismail menjadi Perdana Menteri Kedah. Rakyat Kedah gembira sewaktu Wan Mat Saman menjadi Perdana Menteri, kerana Kedah mencapai kemajuan yang memuaskan.

Wan Mat Saman telah membina terusan untuk mengalirkan air ke kawasan pertanian, terusan itu diberi nama terusan Wan Mat Saman.



Gambar hiasan - Askar US

“Sekarang Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada Inggeris pula. Bukankah kita sudah elok berada di bawah pentadbiran Wan Mat Saman, kenapa hendak diserahkan



Gambar hiasan

kepada Inggeris?" Lop merungut.


Kedah turut diserahkan kepada Inggeis mengikut perjanjian Bangkok yang dibuat pada tahun 1909 antara Inggeris dengan Siam. Jusoh tidak menjawab. Dia membiarkan Lop mengomel sendirian.

Pada mulanya Sultan Kedah iaitu Sultan Abdul Hamid Halim Syah enggan menerima penasihat Inggeris George Maxwell.



Gambar hiasan

Tetapi pada tahun 1923 Sultan



Kapal selam - Gambar hiasan



Gambar hiasan

Kedah telah bersetuju menerima penasihat Inggeris. Dengan penerimaan itu bermakna Inggeris telah menguasai Kedah.


Pada tahun 1930 Raja Syed Alwi Raja Perlis pula telah menandatangani perjanjian dengan Inggeris. Maka Perlis juga telah menjadi tanah jajahan Inggeris. Meadows Frost



Gambar hiasan

merupakan Penasihat Inggeris yang pertama di Perlis.

"Wan, sekarang nampak gayanya tiba giliran kita di Kelantan ini pulak untuk hidup di bawah kuasa Inggeris." Kata Nik kepada Wan apabila Inggeris mula campur tangan di Kelantan.




Askar British - Gambar hiasan

"Yalah selepas Siam nampaknya kita harus berasakan bagaimana pula hidup di bawah jajahan Inggeris." Kata Nik seperti orang kecewa.

Mason, dan perebutan takhta pula merupakan suatu perkara yang tidak habis.

Walau bagaimanapun Kelantan telah menerima penasihat Inggeris yang pertama iaitu J.S

Itulah yang terjadi dalam kerajaan Terengganu. Telah berlaku perebutan takhta antara



Gambar hiasan

berlaku perebutan takhta antara Tengku Mansur dengan anak saudaranya Tengku Umar.


Di dalam perebutan itu Tengku Mansur telah beroleh kemenangan dan baginda ditabalkan menjadi Sultan dengan gelaran Sultan Mansur II.

Tetapi seperti negeri-negeri lain Terengganu juga merupakan negeri yang berada di bawah kuasa Inggeris yang penuh dengan berbagai-bagai perjanjian dengan perlu dipatuhi.



Peta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Mujurlah Johor gagal dikuasai oleh Inggeris sepenuhnya." Labit mengurut dada lapang apabila negerinya terlepas dari dijajah sepenuhnya oleh Inggeris.



Pelbagai jenis pengangkutan jalan raya digunakan.



Orang Melayu mengusahakan penanaman padi di kampung.


"Ya nasib Johor lebih baik dari negeri-negeri lain nampaknya, kerana Sultan dan para pembesar tetap berkuasa dalam pentadbiran." Yunus menyokong cakap kawannya itu.

Penasihat Inggeris hanya boleh menasihati Sultan tetapi mereka tidak boleh memaksa Sultan patuh kepada kehendak mereka.

Mereka berasa senang sedikit apabila mengenangkan kuasa Penasihat Inggeris di Johor lebih terhad berbanding dengan kuasa Residen Inggeris.

"Tetapi engkau tahu Inggeris tetap tidak berpuas hati. Ada diantara penasihat Inggeris

Dalam hal ini penasihat Inggeris tidak boleh memaksa Sultan menerima nasihatnya dan tidak boleh campur tangan dalam hal ehwal negeri itu.



Kedatangan buruh-buruh dari India.

diantara penasihat Inggeris menghasut Sultan supaya menyingkirkan para pembesar Melayu dan melantik pegawai Inggeris sebagai ketua Jabatan." Labit memberitahu sahabatnya Yunus tentang taktik-taktik Inggeris yang tetap ingin menguasai Johor.

"Sebab itulah sekarang ini pembesar-pembesar Melayu mengambil sikap berhati-hati terhadap tindakan Inggeris supaya kedaulatan negeri dapat dikekalkan." Kata Labit lagi.

Inggeris akhirnya mendapat tentangan dari negeri-negeri



Pekerja pelombongan.

yang dijajah. Antaranya ialah Kelantan. Ini terbukti apabila Tok Janggut dan pengikut-pengikutnya menerima layanan buruk daripada pihak pejabat jajahan lalu beliau enggan




Timah dan getah membawa kekayaan dan kemakmuran.

membayar cukai.

Pada tahun 1915. Tok Janggut menyerang Pasir Putih lagi tetapi beliau terbunuh. Mayatnya diikat pada sebatang kayu di Padang Merdeka, kemudiannya digantung di Pasir Pekan sebelum dikebumikan.

Terengganu berlaku antara tahun 1922 - 1925 semasa pemerintahan Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah. Tetapi di Terengganu tidak ada peristiwa pembunuhan yang berlaku.



Peta ini menunjukkan taburan tanaman getah di Malaysia.

Di Terengganu juga berlaku kebangkitan. Kebangkitan di

Sarawak juga mengalami zaman kebangkitan, dan selepas tahun 1934 Sarawak berada di dalam keadaan aman.